



BINA PURI HOLDINGS BHD

PRESS RELEASE

LCCT terbesar dunia wujud dalam tempoh 20 bulan

UTUSAN MALAYSIA

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN

ainul.ahsan@utusan.com.my

"LEGA", demikian reaksi Datuk Seri Tony Fernandes sebaik sahaja Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selesai melaksanakan upacara pecah tanah sebagai simbolik pelancaran pembinaan KLIA2 kelmarin bagi menggantikan Terminal Lapangan Terbang Tambang Murah (LCCT) yang sudah empat tahun beroperasi.

Tanpa berselindung, Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia itu berkata, majlis pecah tanah bagi pembinaan KLIA2 itu memang dinanti-nantikan, bukan sahaja oleh beliau, tetapi juga warga kerja AirAsia dan para pelanggannya yang kini sudah melebihi 15 juta penumpang.

Secara berseloroh, beliau menaruh harapan dapat menyambut ulang tahun kelahirannya pada 30 April 2012 di KLIA2.

Perdana Menteri ketika berucap turut merakamkan penghargaan terhadap usaha AirAsia dalam membangunkan industri penerbangan tambang murah sehingga mampu melonjakkan industri pelancongan negara.

Sudah tentu, Fernandes mempunyai alasan kukuh untuk menarik nafas lega kerana usaha bermati-matian untuk mendapatkan lapangan terbang tambang murah yang jauh lebih selesa dan selamat berbanding sekarang, kini hampir menjadi kenyataan.

Seluruh rakyat Malaysia khususnya yang mengikuti perkembangan industri penerbangan tentu tidak lupa bagaimana Fernandes berjuang untuk mendapatkan KLIA 2 sehingga tercetus 'perselisihan' dengan Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) dua tahun lalu.

Pergolakan antara pengendali lapangan terbang tempatan dengan syarikat penerbangan AirAsia itu menyebabkan wujudnya idea pembinaan LCCT di Labu oleh Sime Darby Bhd. (Sime Darby), bagaimanapun rancangan itu dibatalkan.

Dengan upacara pecah tanah itu, AirAsia hanya perlu menunggu kira-kira 20 bulan untuk beroperasi di KLIA2 yang canggih, satu lagi projek pembangunan signifikan yang bakal menjadi sejarah industri penerbangan di Malaysia.

Kumpulan UEM Bhd. dan Bina Puri Holdings Bhd , yang bertindak sebagai kontraktor utama bagi terminal baru itu memberi jaminan projek itu akan disiapkan tepat pada masanya tanpa berkompromi dalam aspek kualiti dan keselamatannya.

"Kami berupaya menepati tempoh pembinaan yang ditetapkan dan penyerahan KLIA2 akan dibuat pada akhir tempoh 20 bulan (April 2012) seperti yang ditetapkan kerana kami memiliki sumber, kepakaran dan pengalaman," janji Pengarah Urusan Kumpulan UEM, Datuk Izzaddin Idris.

Pengarah Urusan MAHB, Tan Sri Bashir Ahmad berkata, pembinaan terminal baru itu bakal muncul sebagai LCCT terbesar di dunia bagi menampung 30 juta penumpang, selain mempunyai fleksibiliti untuk diperluaskan lagi pada masa depan bagi memenuhi pertumbuhannya serta perubahan dalam model perniagaan AirAsia.

Ia sejajar dengan peningkatan penerbangan tambang murah yang kini menyaksikan pertumbuhan sebanyak 16 peratus dalam jumlah pengembaraan di rantau Asia Pasifik serta 43 peratus di Malaysia dan jumlah itu diramalkan terus meningkat.

Berikutan itu, MAHB menawarkan sebanyak 65 pintu di KLIA2, meskipun keperluan industri hanya 55 pintu untuk jumlah penumpang yang disasarkan.

Malah, KLIA2 bakal mempunyai landasan sendiri.

KLIA2 yang terletak dua kilometer daripada terminal utama dibina dengan saiz 242,000 meter persegi dengan rekaan moden termasuk jambatan pejalan kaki (pedestrian skybridge), yang pertama di Asia dan ketiga di dunia.

Bagaimanapun, di sebalik berita gembira ini, MAHB dan AirAsia masih perlu duduk semeja bagi menyelesaikan beberapa isu terutama dari aspek penggunaan kemudahan aerobridge (jambatan aero) dan kemudahan pengangkutan darat.

Biarpun MAHB mencadangkan agar syarikat penerbangan itu menggunakan kemudahan itu dengan alasan harga yang ditawarkan sebanyak RM85, termurah di dunia, AirAsia pula masih berkira-kira kerana tidak mahu membebankan kos tambahan tersebut kepada penumpangnya.

Bagi AirAsia, ia akan terus mempertahankan harga murah kerana menyifatkan syarikat penerbangan itu tidak akan wujud sekiranya harga yang ditawarkan tidak ekonomik.

AirAsia juga membangkitkan sistem rangkaian pengangkutan untuk memastikan kedudukan KLIA2 sebagai model pusat tidak dapat direalisasikan sepenuhnya.

Ada logiknya isu tersebut dibangkitkan kerana kejayaan sesebuah lapangan terbang terletak kepada kecekapan sistem pengangkutan lain yang menjadi penyokongnya dan ia bukan bergantung kepada pengangkutan rel semata-mata, sebaliknya ia perlu bersepadu.

Ini mengambil kira model perniagaan AirAsia yang bukan lagi sekadar perlepasan tetapi berkembang sebagai pemindahan trafik dan ini memerlukan penggunaan kepelbagaian mod pengangkutan.

Pembinaan KLIA2 dengan anggaran kos RM2 bilion bukan sekadar projek biasa, sebaliknya akan mengubah Sepang secara total sebagai sebuah hab pengangkutan udara di negara ini, sejajar dengan unjuran jumlah penumpang sebanyak 60 juta pada 2014.

Justeru, setiap permasalahan dan kekurangan yang bakal menjejaskan peranan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur perlu di atasi secara profesional oleh pihak-pihak terlibat supaya rasa tidak puas hati itu dapat diatasi lebih awal.

Usaha itu penting demi kelangsungan operasi KLIA2 kerana selain AirAsia, terminal baru itu dijangka mampu menarik minat syarikat-syarikat tambang murah dunia yang lain. Dan sebagai pengendali lapangan terbang yang berprestij sudah tentu MAHB tidak mahu mendengar ungkapan 'rumah sudah siap, pahat masih berbunyi' berlaku dalam projek KLIA2.

Apatah lagi, MAHB memiliki reputasi yang cukup baik dalam industri lapangan terbang di luar negara sehingga syarikat itu dipelawa untuk membangunkan dan mengendalikan lapangan terbang di Turki dan India, tidak termasuk projek-projek baru.

Memetik kata, GM Rao, rakan strategik MAHB, Malaysia amat beruntung kerana memiliki sebuah syarikat pengendali lapangan terbang yang sudah terbukti kepakarannya dan MAHB jauh lebih baik berbanding peserta-peserta industri sama di peringkat global.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my